



KEPADA PIHAK BERKUASA YANG BERKENAAN,

Tarikh: 31 Mei 2021

KEBENARAN BEROPERASI PERKHIDMATAN TEKSI DAN E-HAILING DAN RENTAS DAERAH/NEGERI SEMASA TEMPOH KAWALAN PERGERAKAN PKP 3.0

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengumumkan sektor perkhidmatan pengangkutan awam darat dibenarkan beroperasi dengan kapasiti penumpang 50%. Hanya dua (2) orang termasuk pemandu dibenarkan menaiki sebuah teksi atau kenderaan e-hailing dalam satu masa tanpa mengira kapasiti. Penumpang hendaklah duduk di tempat duduk belakang. Walaubagaimanapun pergerakan penumpang adalah tertakluk kepada SOP kawalan pergerakan yang ditetapkan oleh MKN atau mendapat kebenaran Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

3. Perihal pematuhan SOP seperti memakai pelitup muka oleh pemandu dan penumpang, pemandu hendaklah menyediakan QR Code (My Sejahtera) dan diimbah oleh penumpang setiap kali perkhidmatan diberikan telah diwajibkan sepertimana SOP MKN.

Diharap perkara berkenaan dapat membantu memudahkan pergerakan perkhidmatan pengangkutan awam darat khususnya teksi dan e-hailing beroperasi dengan lancar sewaktu melintasi urusan Sekatan Jalan Raya (SJR) bagi menghantar/mengambil penumpang.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(AZLAN SHAH AL BAKRI)

Ketua Pengarah

Agensi Pengangkutan Awam Darat
Kementerian Pengangkutan Malaysia